



CLUSTER TUITION CENTRE

乐学补习学院

Nama:

Tarikh:

Tahun 3 Bahasa Melayu

Penilaian 2

A. Isi tempat kosong dengan kata ganti nama diri yang betul. (12%)

saya

awak

dia

mereka

beliau

-nya

- 1 "Adakah _____ akan pergi ke rumah Osman esok?" tanya Susmita kepada Mimi.
- 2 Encik Halim seorang pegawai kebajikan masyarakat. _____ terkenal dengan sifat pemurah.
- 3 Murid-murid Tahun Tiga Cempaka mengadakan jamuan akhir tahun. _____ menikmati juadah dalam suasana yang ceria.
- 4 "_____ berjanji tidak akan mengulangi kesilapan itu lagi," kata Julia kepada ibunya.
- 5 Rosnah manja. _____ digelar anak emas oleh ahli keluarganya.
- 6 Pak Cik Mamat pergi ke kebun untuk memetik sayur-sayuran yang telah ditanam _____.

B. Pilih kata tanya yang paling sesuai. (8%)

- 1 _____kah yuran menyertai kelas seni mempertahankan diri?

A Mana C Mengapa
B Berapa D Bagaimana

- 2 _____kah yang menjaga ibu di hospital malam tadi?

A Mana C Berapa
B Siapa D Bagaimana

- 3 Awak mahu makan _____?

A apa C mengapa
B berapa D bagaimana


- 4 Di _____kah terletak sekolah kamu?

A apa C siapa
B mana D berapa

C. Gariskan kata perintah yang betul dalam ayat di bawah.(6%)

- 1 “(Minta / Jangan) pijak rumput itu,” kata Cikgu Seelan kepada kami.
- 2 “(Harap / Jemput) minum air ini,” pelawa Vinita kepada Puan Shan.
- 3 “(Tolong / Usah) fahami keadaan kami,” rayu ibu kepada pegawai itu.
- 4 “(Harap / Usah) kamu semua tidak berputus asa,” kata ketua pasukan.
- 5 “(Usah / Sila) tulis nama kalian di dalam buku catatan,” kata Cikgu Selvi.
- 6 “(Sila / Jangan) makan kuih yang dihinggap lalat itu,” kata Mak Cik Timah.

D. Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.(8%)



- 1 Zack _____ kerja sekolah di biliknya.
- 2 Kakak _____ sampah di halaman rumah.
- 3 Vanaja suka _____ buku di perpustakaan.
- 4 Coklat saya sudah habis _____ oleh Zayn.
- 5 Tiara menangis kerana duitnya _____ orang.
- 6 Ibu sedang _____ pokok bunga di halaman rumah.
- 7 Zaid mengerang kesakitan selepas _____ oleh Zikri.
- 8 Saya akan ke hospital untuk _____ Suresh yang sedang sakit.

E. Isi tempat kosong dengan simpulan bahasa yang betul.(6%)

besar hati

kaki bangku

cakar ayam

mulut murai

menarik diri

bulat kata

- 1 Puan Swee Lan berasa sangat _____ atas kejayaan anaknya dalam peperiksaan UPSR baru-baru ini.
- 2 Jayaraman _____ daripada menyertai pertandingan syarahan itu kerana dia akan berpindah.
- 3 Murid-murid Tahun Tiga Cemerlang sudah _____ memilih Razman sebagai ketua kelas mereka.
- 4 Dia digelar _____ oleh kawan-kawannya kerana tidak pandai bermain bola sepak.
- 5 Merry ditegur oleh guru kerana tulisannya seperti _____ dan susah untuk dibaca.
- 6 Murid itu gemar bercakap sehingga digelar _____ oleh rakan-rakannya.


F. Gariskan kata seru yang betul dalam ayat di bawah.(4%)

- 1 (Wah / Cis), berani engkau mengganggu adikku!
- 2 (Amboi / Aduh), sakitnya gigiku yang berlubang ini!
- 3 (Aduhai / Cis), malang sungguh nasib kucing jalanan itu!
- 4 (Eh / Aduhai), rupa-rupanya wanita itu ialah ibu kandungku!

G. Pilih penjodoh bilangan yang betul berdasarkan gambar. (6%)

- 1 Juan Hong hanya makan se_____ roti semasa sarapan tadi.

keping helai




- 2 Walaupun buta, dia mampu berjalan menggunakan se_____ tongkat.

batang buah



- 3 Tiga _____ telur itu sudah pecah.

butir biji




- 4 "Kamu perlu menulis lima _____ ayat berdasarkan gambar," pesan Cikgu Tan kepada murid-murid Tahun Tiga Seroja.

jenis baris




- 5 Abang Isa menghadiahkan se_____ bunga kepada isterinya sempena ulang tahun perkahwinan mereka.

jambak kotak



- 6 Mereka menggunakan se_____ tali untuk mengikat kayu-kayu api.

utas ikat



H. Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.(5%)

IPOH, 23 Mac – Sebuah rumah hampir hangus di Taman Setia. Hanya bahagian dapur yang musnah apabila pihak bomba berjaya mengawal kebakaran daripada merebak.

Kebakaran itu disedari oleh Encik Fong yang tinggal di sebelah rumah tersebut. “Saya terus menghubungi pihak bomba apabila melihat asap dan api dari rumah sebelah,” katanya kepada wartawan.

Sementara menunggu pihak bomba, Encik Fong dan beberapa orang jiran turut berusaha memadamkan api. Manakala, Puan Siti yang baru tiba daripada mengambil anaknya di taska tergamam melihat dapurnya yang terbakar.

Puan Siti mengakui bahawa dia terlupa menutup api dapur kerana tergesa-gesa untuk mengambil anaknya. Mujurlah tiada sesiapa di rumah ketika itu.

Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya. Pihak bomba menasihatkan orang ramai agar tidak cuai terhadap perkara yang mendatangkan kebakaran.

(a) Siapakah Encik Fong?

[1 markah]

(b) Apakah punca dapur rumah Puan Siti terbakar?

[2 markah]

(c) Padankan sikap Encik Fong dan Puan Siti berdasarkan petikan.

	Prihatin
Encik Fong	Jujur
Puan Siti	Peka
	Lalai

[2 markah]


5

I. Gambar di bawah menunjukkan cara-cara Soon Keat menjaga kebersihan dan kesihatan diri. Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan. (15%)



CLUSTER TUITION CENTRE

J. Tulis sepucuk surat kepada sahabat anda di luar negara untuk menceritakan pengalaman anda pergi ke sesuatu tempat pada cuti sekolah.(30%)





CTC

CLUSTER TUITION CENTRE